# Gentali (M) Sdn Bhd lwn Kawasaki Sunrock Sdn Bhd

MAHKAMAH RAYUAN (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO W-02-179-1996
LAMIN PMR, ABU MANSOR DAN AHMAD FAIRUZ HHMR
10 JULAI 1996

***Acara Sivil*** *— Penggantungan pelaksanaan perintah dan prosiding selanjutnya — Permohonan untuk menggantung pelaksanaan perintah Mahkamah Tinggi dan prosiding selanjutnya sementara menunggu keputusan rayuan ke Mahkamah Rayuan — Tarikh perbicaraan telah ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi — Sama ada penggantungan patut diberikan — Faktor penentu yang diambilkira*

Melalui perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 ('perjanjian tersebut'), penentang telah melantik perayu sebagai pengedar tunggal motosikal-motosikal dan barang-barang ganti kepunyaan penentang. Penentang telah memungkiri salah satu daripada terma-terma dalam perjanjian tersebut dengan melantik beberapa orang lain sebagai pengedar. Ini mengakibatkan perayu mengalami kerugian. Oleh itu, perayu menuntut gantirugi atas kemungkiran kontrak. Penentang telah gagal mengesan perjanjian tersebut kerana pegawai yang mengendalikan perkara ini telah pulang ke negara Jepun. Oleh itu, penentang telah memohon sesalinan perjanjian tersebut daripada perayu melalui surat bertarikh 24 Oktober 1995. Surat itu tidak dijawab dan salinan perjanjian itu tidak diberikan. Pada 8 November 1995, peguam perayu telah memaklumkan peguam penentang bahawa perayu akan memasukkan penghakiman ingkar jika penentang tidak memfailkan pembelaan dalam tempoh masa tujuh hari dari tarikh 8 November 1995. Penentang gagal memasukkan pembelaannya dalam tempoh masa itu. Perayu kemudiannya memasukkan penghakiman ingkar pada 16 November 1995 ('penghakiman ingkar tersebut'). Sementara itu, penentang telah memasukkan saman dalam kamar memohon agar penentang diberi perjanjian tersebut dan tempoh masa satu bulan dari tarikh penerimaan perjanjian tersebut untuk memfailkan pembelaannya. Melalui perintah bertarikh 3 Januari 1996 ('perintah tersebut'), penolong kanan pendaftar memerintahkan perayu memberi kepada penentang sesalinan perjanjian tersebut dan membenarkan penentang memfailkan pembelaannya dalam tempoh 14 hari dari tarikh perjanjian tersebut diterima. Selanjutnya diperintahkan — atas permohonan lisan penentang — bahawa penghakiman ingkar tersebut diketepikan. Perayu membuat rayuan terhadap perintah tersebut kepada pesuruhjaya kehakiman, yang telah menolak rayuannya dan menetapkan 18 Julai 1996 untuk perbicaraan kes ini. Perayu merayu pula ke Mahkamah Rayuan dan memfailkan permohonan kepada pesuruhjaya kehakiman agar prosiding selanjutnya dan pelaksanaan perintah tersebut digantung sehingga rayuan perayu diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Pesuruhjaya kehakiman menolak permohonan itu. Oleh itu, perayu membuat permohonan di dalam notis usul ini.

**Diputuskan**, menolak permohonan perayu:

(1) Dalam suatu permohonan untuk penggantungan, salah satu daripada faktor penentu yang wajar diambilkira ialah sama ada rayuan perayu, jika berjaya, akan menjadi sia-sia oleh kerana perintah penggantungan tidak diberikan kepadanya — sia-sia dalam ertikata perayu dilucutkan hasil kejayaannya (lihat ms 602F); *Mohamed Mustafa v Kandasami (No 2)* [1979] 2 MLJ 126 diikut.

(2) Mengikut prinsip ini, mahkamah ini mendapati jika perayu berjaya dalam rayuannya, penghakiman ingkar itu akan dikekalkan. Ini bererti bahawa perbicaraan pada 18 Julai 1996 itu tidak lagi perlu. Kesannya ialah bahawa masa sudah terbuang dalam perbicaraan — jika ianya telah berjalan. Perayu bagaimanapun boleh terus melaksanakan penghakiman ingkar itu. Yang berlaku hanya mungkin pembaziran masa dan kos dalam penerusan perbicaraan pada 18 Julai 1996. Kejayaan perayu dalam rayuannya tidak tergugat dengan prosiding-prosiding selanjutnya iaitu selepas perintah tersebut (lihat ms 602G–H).

(3) Berkenaan dengan rayuan perayu terhadap perintah tersebut yang mengarahkan supaya penentang diberi sesalinan perjanjian tersebut dan masa untuk memfailkan pembelaan, mahkamah ini mendapati kesan akibat ketiadaan perintah penggantungan ialah bahawa penentang akan memperolehi perjanjian tersebut dan masa untuk memfailkan pembelaannya. Walau bagaimanapun, ini semua sudah tidak bermakna lagi kerana kes itu sudah sedia untuk dibicarakan pada 18 Julai 1996. Begitu juga jika perintah penggantungan diberi. Kesan dari pemberian perintah penggantungan diberi itu ialah penentang tidak akan memperolehi perjanjian itu dan masa untuk memfailkan pembelaan. Tetapi ini semua tidak akan memberi apa-apa hasil kerana kes sudah sedia untuk perbicaraan. Pembelaan juga telahpun difailkan. Oleh itu adalah sia-sia untuk mengeluarkan perintah penggantungan (lihat ms 602I dan 603A–B).

**[English summary**

By an agreement dated 1 January 1991 ('the agreement'), the respondent appointed the appellant as the sole distributor of motorcycles and spare parts owned by the respondent. The respondent committed a breach of one of the terms of the agreement by appointing some other people as distributors. This had caused the appellant to suffer loss. Therefore, the appellant claimed damages for breach of contract. The respondent failed to locate the agreement because the officer in charge of the matter had returned to Japan. Therefore, the respondent had requested a copy of the agreement from the appellant by a letter dated 24 October 1995. There was no reply to the letter and a copy of the agreement was not given. On 8 November 1995, counsel for the appellant informed the respondent's counsel that the

A appellant would enter a default judgment if the respondent failed to file the defence within seven days from 8 November 1995. The respondent failed to enter the defence within the time as stated. The appellant then entered the default judgment on 16 November 1995 ('the default judgment'). Meanwhile, the respondent filed a summons in chambers applying that the respondent be given a copy of the agreement and a period of one month from the date of receiving the agreement to file the defence. By an order dated 3 January 1996 ('the order'), the senior assistant registrar ordered the appellant to give to the respondent a copy of the agreement and allowed the respondent to file the defence within 14 days of receiving the agreement. Further, it was ordered — on an oral application by the respondent — that the default judgment be set aside. The appellant appealed against the order to the judicial commissioner, who dismissed the appeal and fixed the hearing date for the trial of the case for 18 July 1996. The appellant appealed to the Court of Appeal and filed an application to the judicial commissioner that further proceedings and execution of the order be stayed until the appellant's appeal was decided by the Court of Appeal. The judicial commissioner dismissed the application. Thus, the appellant made an application in this notice of motion.

**Held**, dismissing the appellant's application:

(1) In an application for a stay of execution, one of the deciding factors that should be considered is whether the appellant's appeal, if successful, will become nugatory because the order to stay is not given to him — nugatory in the sense that the appellant is deprived of the fruits of his success (see p 602F); *Mohamed Mustafa v Kandasami (No 2)* [1979] 2 MLJ 126 followed.

(2) Following this principle, this court found that if the appellant succeeded in his appeal, the default judgment would be preserved. This meant that the trial on 18 July 1996 would be unnecessary. The effect was that time was wasted in hearing — if it was already taken place. What had taken place might only be a waste of time and cost in the continuance of the hearing on 18 July 1996. The appellant's success in his appeal would not be affected by further proceedings, ie after the order (see p 602G–H).

(3) Regarding the appellant's appeal against the order directing that the respondent be given a copy of the agreement and time to file the defence, this court found that the effect of the absence of order to stay was that the respondent would obtain the agreement and time to file the defence. However, all this would be meaningless because the case had been fixed to be heard on 18 July 1996. This would also be the case if the order to stay was given. The effect of granting the order to stay was that the respondent would not obtain the agreement and the time to file the defence. However, this would be meaningless because the case was ready for trial. The defence had also been filed. Therefore, it was nugatory to issue the order to stay (see pp 602I and 603A–B).]

[*Nota penyunting*: Usul permohonan perayu untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan telah ditarik balik.]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Bank Bumiputra (M) Bhd v Majlis Amanah Ra'ayat* [1979] 1 MLJ 23
*Disney v Longbourne* (1876) 2 Ch D 704
*Mohamed Mustafa v Kandasami (No 2)* [1979] 2 MLJ 126)
*Tuan Hj Ahmed Abdul Rahman v Arab-Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 MLJ 3
*Tang Chok Ching v Wong Ik Tieng & Ors* [1973] 2 MLJ 25

**Rayuan daripada**: Guaman Sivil No D5–22–575–95 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

*Yong Yuan Kea* (*SK Yap & Ku Arzina*) bagi pihak perayu.
*Robert Lazar* (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak penentang.

**Ahmad Fairuz HMR** (menyampaikan alasan penghakiman mahkamah): Perayu di dalam rayuan ini telah memohon (melalui notis usul) supaya pelaksanaan perintah penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, bertarikh 3 Januari 1996 ('perintah tersebut') dan prosiding selanjutnya digantung sehingga rayuan ini diputuskan oleh Mahkamah Rayuan. Perintah tersebut yang diekshibitkan sebagai 'CBH-9' dalam afidavit sokongan bagi permohonannya ini, mengarahkan perayu memberi kepada penentang sesalinan perjanjian bertarikh 1 Januari 1991 ('perjanjian tersebut'). Seterusnya perintah tersebut membenarkan penentang memfailkan pembelaannya dalam tempoh 14 hari dari tarikh perjanjian tersebut diterima. Melalui perintah tersebut juga, penghakiman ingkar bertarikh 16 November 1995 diketepikan.

Adalah jelas dari perintah tersebut bahawa ianya dibuat setelah penolong kanan pendaftar itu membicarakan saman dalam kamar bertarikh 8 November 1995 (eks 'CBH-6'). Dipohon, melalui saman dalam kamar itu, agar penentang diberi perjanjian tersebut. Dipinta juga tempoh masa satu bulan dari tarikh penerimaan perjanjian tersebut bagi membolehkan penentang memfailkan pembelaannya.

Perjanjian tersebut dirujuk oleh perenggan 3 pernyataan tuntutan perayu (eks 'CBH-l'). Melalui perjanjian tersebut, penentang telah melantik perayu sebagai pengedar tunggal motosikal-motosikal dan barang-barang ganti Kawasaki CBU kepunyaan penentang. Terma-terma dan syarat-syarat perlantikan ini terdapat dalam perjanjian tersebut. Mengikut salah satu daripada terma-terma itu, penentang berjanji tidak akan melantik orang lain selain daripada perayu sebagai pengedar. Penentang, bagaimanapun, melanggar terma ini dengan melantik beberapa orang lain sebagai pengedar. Ini mengakibatkan perayu mengalami kerugian dan kehilangan untung. Justeru itu, perayu menuntut RM6,127,779 dan gantirugi kerana kemungkiran kontrak di samping faedah dan kos.

Kerana pegawai yang mengendalikan perkara ini telah pulang ke Jepun, penentang telah gagal menemui perjanjian tersebut. Memandangkan tuntutan perayu adalah berasaskan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian itu, penentang telah, melalui telefon, memohon daripada perayu sesalinannya. Empat hari kemudian (24 Oktober 1995), penentang, melalui surat pula, meminta sesalinan perjanjian itu. Surat itu tidak dijawab. Sesalinan perjanjian itu tidak diberi. Pada 7 November 1995, penentang menghantar faks mengingatkan perayu. Namun demikian, jawapan tidak tiba. Bayang perjanjian itupun tidak kelihatan. Lantas dibuat saman dalam kamar itu.

Mengikut perayu pula, surat penentang bertarikh 24 Oktober 1995 telah dijawab melalui surat perayu bertarikh 26 Oktober 1995 (eks 'CBH-3'). Ketara dari 'CBH-3' itu yang penentang dikehendaki memfailkan pembelaannya dalam tempoh masa seperti yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Pada 8 November 1995, peguam perayu telah memaklumkan peguam penentang ketika itu (melalui surat yang dieksibitkan sebagai 'CBH-4') bahawa perayu akan memasukkan penghakiman ingkar terhadap penentang jika pembelaan tidak difailkan dalam tempoh masa tujuh hari dari tarikh 8 November 1995. Penentang gagal memasukkan pembelaannya dalam tempoh masa itu. Perayu kemudiannya memasukkan penghakiman ingkar pada 16 November 1995.

Penentang pula telah, pada 8 November 1995, memasukkan saman dalam kamar yang disebutkan dalam perenggan 2 di atas. Saman dalam kamar itulah yang menzahirkan perintah tersebut yang kini menjadi subjek permohonan perayu iaitu untuk digantungkan pelaksanaannya.

Dari perintah tersebut, nyatalah bahawa perintah mengetepikan penghakiman ingkar dibuat atas permohonan lisan penentang. Saman dalam kamar bertarikh 8 November 1995 tidak mengandungi permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar. Dikatakan oleh perayu bahawa permohonan lisan itu tidak disokong oleh apa-apa afidavit atas merit (Perenggan 10 afidavit menyokong perayu di ms 10 rekod notis usul).

Perayu telah membuat rayuan terhadap perintah tersebut. Rayuan itu telah ditolak oleh Yang Arif pesuruhjaya kehakiman. Perayu merayu pula ke Mahkamah Rayuan ini. Sementara itu, Yang Arif pesuruhjaya kehakiman telah menetapkan 30 April 1996 dan 18 Julai 1996 untuk perbicaraan kes ini. Oleh yang demikian, perayu telah, pada 8 April 1996, memfailkan permohonan agar prosiding selanjutnya dan pelaksanaan perintah tersebut digantungkan sehingga rayuan perayu diputuskan oleh Mahkamah Rayuan ini. Yang Arif pesuruhjaya kehakiman menolak permohonan itu. Justeru itu perayu membuat permohonan di dalam notis usul ini.

Dalam penghujahannya, peguam perayu merujuk kepada kes *Tuan Hj Ahmed Abdul Rahman v Arab-Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 MLJ 30. Mengikut kes itu, Yang Arif hakim bicara telah mengekalkan penghakiman ingkar setelah memansuhkan perkataan-perkataan 'daily rests basis' daripada penghakiman itu. Ini dilakukan oleh Yang Arif hakim walaupun tiada

permohonan penentang di hadapannya dan peguam-peguam kedua-dua pihak telah tidak didengar oleh Yang Arif hakim mengenai meritnya. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa perbuatan Yang Arif hakim itu adalah suatu kepincangan prosedur dan atas alasan ini sahaja, penghakiman Yang Arif hakim itu tidak boleh dipertahankan. Selanjutnya, peguam perayu menekankan bahawa kes *Tang Chok Ching v Wong Ik Tieng & Ors* [1973] 2 MLJ 25 dan kes *Bank Bumiputra (M) Bhd v Majlis Amanah Ra'ayat* [1979] 1 MLJ 23 menunjukkan bahawa afidavit atas merit iaitu afidavit yang menyatakan fakta-fakta yang menunjukkan suatu pembelaan atas merit mestilah dikemukakan jika penghakiman ingkar itu adalah teratur (regular). Menyentuh perenggan 7 di ms 26 afidavit menyokong perayu, iaitu mengenai permohonan penentang untuk mendapatkan perjanjian tersebut, peguam perayu menggunapakai kes *Disney v Longbourne* (1876) 2 Ch D 704 dan menganjurkan bahawa penentang boleh menggunakan prosedur interogatori setelah memasukkan pembelaannya.

Jawapan peguam penentang memperagakan ketiadaan pliding dalam kes *Disney* seperti terdapat dalam rayuan ini, iaitu perjanjian tersebut diplidkan dalam penyata tuntutan. Dalam hal ini mahkamah ini bersependapat dengan peguam itu dan kerana itu kes *Disney* ini tidak terpakai.

Peguam penentang seterusnya mengatakan bahawa rayuan perayu tidak akan menjadi sia-sia (nugatory) walaupun pelaksanaan perintah itu tidak digantungkan. Mengikut peguam itu, pembelaan dan tuntutan balas telahpun difailkan walaupun perjanjian itu masih belum diberi kepada penentang. Mahkamah Tinggi juga telah menetapkan tarikh bicara pada 18 Julai 1996.

Dalam hal penggantungan ini, salah satu daripada faktor penentu yang wajar diambilkira ialah sama ada rayuan perayu, jika berjaya, akan menjadi sia-sia oleh kerana perintah penggantungan tidak diberikan kepadanya — sia-sia dalam ertikata perayu dilucutkan hasil kejayaannya (*Mohamed Mustafa v Kandasami (No 2)* [1979] 2 MLJ 126). Berlatarbelakangkan prinsip ini, mahkamah ini mendapati jika perayu berjaya dalam rayuannya, penghakiman ingkar itu akan dikekalkan. Ini bererti bahawa perbicaraan pada 18 Julai 1996 itu tidak lagi perlu. Kesannya ialah bahawa masa sudah terbuang dalam perbicaraan — jika ianya telah berjalan. Perayu bagaimanapun boleh terus melaksanakan penghakiman ingkar itu. Yang berlaku hanya mungkin pembaziran masa dan kos dalam penerusan perbicaraan pada 18 Julai 1996. Kejayaan perayu dalam rayuannya tidak tergugat dengan prosiding-prosiding selanjutnya iaitu selepas perintah tersebut.

Beredar kepada rayuan perayu terhadap perintah tersebut yang mengarahkan supaya penentang diberi perjanjian tersebut dan juga masa untuk memfailkan pembelaan, mahkamah ini mendapati kesan dari ketiadaan perintah penggantungan ialah penentang akan memperolehi perjanjian itu dan juga masa untuk memfailkan pembelaannya. Bagaimanapun ini semua sudah tidak bermakna lagi dengan tersiap sedianya kes itu untuk dibicarakan pada 18 Julai 1996. Begitu juga, jika perintah

penggantungan diberi. Kesan dari perintah penggantungan diberi itu ialah penentang tidak akan memperolehi perjanjian itu dan masa untuk memfailkan pembelaan. Tetapi ini semua tidak akan memberi apa-apa hasil kerana kes sudah siap sedia untuk perbicaraan. Pembelaan juga telahpun difailkan. Oleh itu sia-sia sajalah untuk dikeluarkan perintah penggantungan.

Bersandarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini sebulat suara menolak permohonan perayu untuk menggantungkan prosiding selanjutnya dan pelaksanaan perintah tersebut.

*Permohonan ditolak.*

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar